

MAJLIS PELANCARAN GERAKAN PEMATUHAN TANDA HARGA

27/02/2014

PASAR AWAM PRESINT 8, PUTRAJAYA

Assalamualaikum WBT Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YB Dato Sri Hasan bin Malek Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan YB Dato Sri Paduka Ahmad Bashah Md Hanipah Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan YBhg. Dato Sri Alias bin Haji Ahmad Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Dato Dato/Datin-Datin/Tuan-Tuan/ Puan-Puan para hadirin sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa setinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya jua dapat kita bersama-sama di pagi ini bagi Majlis Pelancaran Gerakan Pematuhan Tanda Harga 2014 ini. 2. Justeru saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Dato Sri Hasan Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang telah memberikan ruang dan kesempatan ini untuk saya hadir bagi menjayakan Gerakan Pematuhan Tanda Harga, yang saya percaya ianya dapat membantu menangani isu berkaitan kenaikan kos sara hidup di Negara kita ini. Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati 3. Peningkatan kos ke atas barangan dan perkhidmatan merupakan fenomena global yang dihadapi oleh semua Negara dan kerajaan di dunia ini. Jumlah penduduk yang kian bertambah, faktor alam seperti perubahan iklim yang tidak menentu, ketidaktentuan persekitaran yang berlaku di negara-negara pengeluar dan pengeksport merupakan antara faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan harga pasaran bagi barangan dan perkhidmatan secara umum. Dan seperti semua sedia maklum, faktor-faktor ini adalah diluar kawalan mana-mana badan ataupun Kerajaan. 4. Malaysia yang merupakan sebuah negara perdagangan dan perindustrian utama dunia turut tidak dapat lari dari kesan pergerakan harga barangan dan perkhidmatan dunia yang meliputi antaranya barangan dan produk makanan, minuman, perkhidmatan pengangkutan dan lain-lain. Ini secara langsung meningkatkan kos bagi pelbagai sektor perniagaan dan industri, dan seterusnya memberi kesan, secara amnya, ke atas kos sara hidup rakyat di Malaysia. 5.

Sehubungan itu, Kerajaan bertanggung jawab bagi terus memastikan persekitaran yang positif dan kondusif serta mampan dengan menghasilkan perancangan yang rapi dan strategik termasuk dalam perkara-perkara melibatkan penstrukturan semula ekonomi Negara. 6. Ini meliputi program rasionalisasi subsidi yang menyasar pendapatan utama negara dari hasil bumi dan alam semulajadi disalurkan kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang memerlukan (melalui BR1M), disamping membiayai pelbagai program kebajikan untuk rakyat Malaysia. 7. Walau bagaimanapun, saya ingin tegaskan di sini bahawa persepsi sesetengah pihak yang menyatakan kenaikan harga barang dan perkhidmatan di pasaran kini disebabkan langkah Kerajaan membuat rasionalisasi subsidi adalah satu tuduhan yang tidak tepat, kerana kerajaan sebenarnya telah mengambil langkah yang terbaik bagi membantu rakyat meminimalkan kesan kenaikan harga dan kos sara hidup. 8. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berani dan penuh bertanggungjawab untuk memastikan kebajikan rakyat terpelihara dengan masih mengawal harga bagi beberapa barang perlu seperti petrol RON95, diesel, LPG, tepung gandum dan minyak masak. Langkah ini dibuat bagi memastikan rakyat dapat membeli barangan asas tersebut pada harga yang munasabah. Dan Malaysia merupakan satu-satunya Negara di dunia ini yang mempunyai program kebajikan yang luas seperti ini. Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian 9. Kerajaan faham dan prihatin akan peningkatan kos kehidupan mutakhir ini menjadi satu kebimbangan kepada rakyat. Oleh itu, Kerajaan telah segera menubuhkan satu Jawatankuasa Khas mengenai Kos Sara Hidup bertujuan memantau dan mengenalpasti usaha-usaha yang boleh dilaksanakan bagi menangani kenaikan harga-harga barang dan perkhidmatan serta mengurangkan kesannya ke atas rakyat. 10. Sehingga hari ini, tiada satu pun negara lain di dunia ini yang mewujudkan Jawatankuasa Khas seperti ini. Belum ada lagi Kerajaan lain yang mendahului Malaysia khususnya dalam memberi perhatian secara menyeluruh terhadap kesan kenaikan kos sara hidup rakyatnya. 11. Di antara agenda penting Jawatankuasa Khas ini adalah mengenalpasti dan menyusun tindakan-tindakan secara holistik dan bersepadu, melalui Kementerian dan agensi yang berkenaan, bagi menjaga kepentingan kesemua pihak terutamanya peniaga dan pengguna. 12. Sehubungan ini, YAB Perdana Menteri, saya dan rakan-rakan lain dalam Kerajaan telah mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak (peniaga, pembekal, pengguna, dan NGOs) serta membuat beberapa lawatan turun padang ke pasar-pasar awam, hyper dan mini market, kedai runcit dan restoran. 13. Kerajaan akui ada

wujudnya kenaikan harga barangan dan perkhidmatan di pasaran, tetapi Kerajaan telah mengenalpasti bahawa kenaikan harga barangan dan perkhidmatan ini tidak sepatutnya memberi kesan yang amat membebankan kepada pengguna, melainkan kenaikan kos itu disebabkan oleh amalan dan tindakan yang tidak bertanggungjawab .

14. Dalam lawatan-lawatan mengejut saya, saya sendiri mendapati ada peniaga dan peruncit yang tidak mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, terutamanya dalam mempamerkan tanda harga bagi barangan dan jualan mereka. 15. Ini merupakan tindakan yang mengingkari peruntukan dibawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011, dan boleh dihukum denda serta kompaun. Malahan, peraturan penandaan harga ini telah lama dikuatkuasakan iaitu dari tahun 1977 di bawah Perintah Kawalan Harga. 16. Kerajaan mewujudkan undang-undang dan Akta berkenaan bagi memastikan bahawa urusan dan persekitaran perniagaan adalah kondusif dan memberi manfaat pada semua pihak di pasaran, dan Kerajaan tidak mengizinkan mana-mana pihak khususnya peniaga-peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barang atau perkhidmatan bagi mendapatkan keuntungan yang melampau, atau tidak munasabah (profiteering). (YAB Tan Sri mungkin ingin memberi contoh: Satu kilogram gula naik 20 sen; yang boleh buat 10 cawan air, tetapi ada peniaga menaikkan harga air secawan sebanyak 15 hingga 20 sen untuk keuntungan yang berlebihan). 17. Saya perlu menjelaskan bahawa Kerajaan amat menggalakkan sektor perniagaan untuk berjaya, dan meraih keuntungan yang berpatutan kerana ia turut dapat membantu menjana hasil dan imej yang baik kepada Kerajaan, tetapi Kerajaan dengan tegas tidak akan bertolak ansur ke atas sebarang tindakan mengingkari peraturan perniagaan untuk mencari keuntungan melampau. 18. Oleh itu, kita sentiasa memantau secara langsung tindakan peniaga-peniaga yang menggunakan pelbagai kaedah bagi memanipulasi kos dan harga barangan di pasaran. Ini meliputi aktiviti-aktiviti anti-persaingan seperti amalan monopoli dan kartel. 19. Aktiviti-aktiviti anti-persaingan ini adalah antara amalan tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan ke atas keadaan pasaran, dan lebih parah lagi ianya menyumbang kepada kenaikan kos barangan dan perkhidmatan yang membebankan rakyat, khasnya pengguna. 20. Di kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada KPDNKK dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kerana telah mengambil tindakan tegas baru-baru ini ke atas 26 buah syarikat pengeluar ais kerana menetapkan harga jualan ais tiub dan blok. Ini merupakan satu amalan bertentangan dengan peruntukan di dalam Akta

Persaingan 2010. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian 21. Berdasarkan dari pemerhatian saya, dan pemeriksaan oleh KPDNKK sewaktu Ops Harga dilaksanakan (dari Julai 2013 hingga Februari 2014), Kerajaan telah dapat mengenalpasti isu kenaikan kos yang disebabkan oleh amalan-amalan tidak bertanggungjawab oleh pelbagai pihak. Dan di antara perkara yang seringkali berlaku adalah sebilangan besar pihak peniaga kurang mengambil berat, malah memandang kecil/remeh, akan tanggungjawab mereka mempamer tanda tanda harga dengan sempurna. 22. Sehubungan itu, bagi menimbulkan kesedaran yang tinggi dan memperkasa amalan dan etika perniagaan yang murni di kalangan peniaga, serta menyampaikan mesej jelas akan keseriusan Kerajaan melindungi kepentingan semua pihak, Kerajaan hari ini, melancarkan Gerakan Pematuhan Tanda Harga yang bermula pada bulan Februari sehingga Julai 2014 (tempoh 6 bulan). Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati 23. Islam menekankan amalan perniagaan yang adil dan terpuji. ALLAH berfirman di dalam Al-Quran (Surah Al-Anam, 6:152) yang bermaksud, Dan cukuplah segala sukatan dan timbangan dengan adil. Manakala dalam Surah Hud: Ayat 84, ALLAH turut mengingatkan Dan janganlah kamu mengurangi sukatan dan timbangan. 24. Kedua-dua ayat ini menjelaskan bahawa kejujuran dan integriti yang tinggi adalah perkara yang wajib dalam etika perniagaan Islam untuk mendapat keberkatan, dan kejayaan jangka panjang. Saya juga percaya prinsip dan pendekatan ini adalah sama di dalam agama dan budaya yang pelbagai di Negara kita ini. 25. Sehubungan itu, Kerajaan berharap Gerakan Pematuhan Tanda Harga ini dapat terus membantu meluas dan memperkukuhkan amalan terbaik perniagaan, dan memudahkan pengguna merancang pengurusan kos sara hidup mereka dengan lebih berkesan. 26. Dengan kata lain, penggunaan tanda harga merupakan mekanisma yang dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pengguna dan peniaga. Ianya memberi ruang yang lebih baik kepada pengguna membuat perbandingan harga dan pilihan, mengikut kemampuan dan keperluan mereka, sebelum membeli barangan ataupun perkhidmatan. 27. Manakala di pihak peniaga, mempamer tanda harga membantu meningkatkan keyakinan, dan persepsi bahawa peniaga berlaku jujur dan beretika dalam perniagaannya. Sendainya para peniaga meletakkan tanda harga yang jelas dan harga yang berpatutan, saya percaya ianya akan dapat menarik lebih ramai pelanggan untuk mengunjungi premis berkenaan. 28. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar semua para peniaga memandang dari sudut positif terhadap program ini dan berganding bahu dengan Kerajaan untuk memastikan semua barang yang hendak

dijual dipamerkan tanda harga yang lengkap dan sempurna. Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian 29. Kerajaan juga amat berharap Gerakan Pematuhan Tanda Harga ini diteruskan dengan penglibatan dan kerjasama aktif semua pihak merangkumi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), dan Badan-badan tidak berkepentingan Kerajaan (NGOs) pengguna, serta persatuan-persatuan perniagaan. 30. Saya berharap NGO Pengguna, dan persatuan-persatuan perniagaan turut membantu menjayakan program Gerakan ini dengan mendidik pengguna supaya menjadi pembeli yang bijak, dan bertanggungjawab. Persatuan pengguna dan persatuan peniaga juga digalakkan membuat aduan kepada Kerajaan, dan memberi teguran dan maklumbalas kepada peniaga-peniaga yang tidak memanafaat sepenuhnya inisiatif Gerakan Pematuhan Tanda Harga ini. 31. Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Kepenggunaan, peniaga dan usahawan, organisasi NGOs, kumpulan media dan semua pihak yang telah memberikan kerjasama kepada kerajaan bagi menjayakan program Gerakan Pematuhan Tanda Harga. 32. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya melancarkan Gerakan Pematuhan Tanda Harga bermula pada bulan Februari ini sehingga Julai 2014.

Sekian terima kasih,

Wabillahi taufik wahidayah Wassalamualaikum WBT